



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH**  
**KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM**  
**05604 ALOR SETAR**  
**KEDAH DARUL AMAN**

Telefon : 04-740 4000  
Faks : 04-740 4342  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : JPK.SKPP.UPK.500-5/1/4 Jld.3(04)  
Tarikh : 14 Januari 2020

Semua Timbalan Pengarah Pendidikan  
Semua Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Ketua Kaunselor Pendidikan Negeri  
Ketua Penolong Pengarah Sumber Teknologi Pendidikan  
Ketua Penolong Pengarah Pengurusan Maklumat  
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

Pegawai Pendidikan Daerah  
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Kedah

Tuan,

**PELAKSANAAN PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPPP) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) TAHUN 2020**

Dengan hormatnya surat daripada Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) Ruj:KPM.500.5/5/1 Jld.6(85) bertarikh 08 Januari 2020 adalah dirujuk.


2. Sebagaimana dinyatakan di dalam surat daripada Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM), pelaksanaan PBPPP bagi tahun 2020 akan bermula mulai **1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020**. Sehubungan itu, tuan diminta mengambil tindakan dan memaklumkan kandungan surat ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah di bawah KPM yang terlibat dalam pelaksanaan PBPPP.
3. Bersama-sama surat ini disertakan surat daripada BPSM yang menyatakan jadual pelaksanaan PBPPP bagi tahun 2020. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada Encik Mat Shaari bin Abu Hassan di talian 04-7404021.
4. Jabatan Pendidikan Negeri Kedah mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama tuan bagi memastikan pelaksanaan PBPPP ini berjalan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KEDAH AMAN MAKMUR- HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”**  
**“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ABD AZIZ BIN SELAIMAN)**  
Pengarah Pendidikan Negeri Kedah



Ruj.Kami : KPM 500.5/5/1 Jld.6 ( 85 )  
Tarikh : 8 Januari 2020

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN (PBPPP) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) TAHUN  
2020**

Dengan segala hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berkenaan perkara di atas.

2. Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mula dilaksanakan bermula pada tahun 2015 bagi kumpulan Guru dan Pemimpin Sekolah dan pelaksanaan menyeluruh kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di semua organisasi di KPM pada tahun 2016 sehingga kini.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, pelaksanaan PBPPP bagi tahun 2020 bermula dari **1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020** mengikut Takwim Pelaksanaan PBPPP 2020 seperti di **Lampiran A**. Bagi memastikan pelaksanaan penilaian ini berjalan dengan lancar, semua organisasi perlu melaksanakan perkara-perkara berikut **sebelum Sistem e-Prestasi diaktifkan** iaitu:

- a) Menubuh Jawatankuasa PBPPP Organisasi 2020;
- b) Memastikan maklumat PPP di setiap organisasi dikemaskini dan lengkap dalam Sistem e-Prestasi atau/ dan e-Operasi;
- c) Mengenal pasti PPP yang layak dinilai mengikut syarat Pegawai Yang Dinilai (PYD);
- d) Mengenal pasti Pegawai Penilai (PP) yang layak mengikut syarat penetapan PP;
- e) PYD, PP1 dan PP2 menyedia dan menetapkan sasaran keberhasilan tahun penilaian semasa mengikut garis panduan yang ditetapkan;
- f) Mengemas kini Fail Pengurusan PBPPP mengikut tatacara pengurusan fail AM 435 kategori Terhad.

4. Rujukan dan maklumat berkaitan proses dan prosedur pelaksanaan PBPPP boleh didapati di Modul Manual Pengguna dalam Sistem e-Prestasi melalui pautan <http://eprestasi.moe.gov.my>.

PEJABAT PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH			TPP(P&PPD) TPP(PB) TPP(PM) TPP(PS) KPPK(ASP) KPPK(P) KPPK(PK) KPPK(PH) KPPK(PP) KPPK(SM) KPP(I) KPP(STP)
Makluman	Sila Bincang	Iedaran	
KKPN	PTM	PA	
Nota: 14 JAN 2020			

5. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan diminta mengambil tindakan dan memaklumkan kandungan surat ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian, Institusi Pendidikan, JPN, PPD, sekolah dan semua agensi di bawah KPM yang terlibat dalam melaksanakan PBPPP. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berikan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(THAMDAN BIN PUTEH)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k

1. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
3. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
4. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Operasi Pendidikan)
5. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
6. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
7. Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

## TAKWIM PELAKSANAAN PBPPP 2020

BIL	TARIKH	AKTIVITI/ TUGASAN	TANGGUNGJAWAB
1	Januari	Menyedia dan menetap sasaran keberhasilan	PP dan PYD
2	15 Januari – 15 Februari	Penetapan dan penilaian guru baharu lantikan 2 Julai – 31 Disember 2019	JK PBPPP dan PP
3	16 Februari – 1 Mac	Penyelenggaraan Sistem e-Prestasi (Sistem ditutup)	BPSM
4	2 Mac – 30 April	Kemas kini maklumat pegawai di Bahagian KPM dan Institusi Pendidikan yang terlibat dengan PBPPP	JK PBPPP Organisasi
5	2 Mac – 13 Mac	Pelantikan Jawatankuasa PBPPP Organisasi Kelulusan Jawatankuasa PBPPP Organisasi oleh agensi menyelia	JK PBPPP Organisasi & agensi menyelia
6	16 Mac – 3 April	Pelantikan PP dan pengesahan oleh agensi menyelia.	JK PBPPP Organisasi & agensi menyelia
7	6 April – 30 Jun	Penilaian Pertama PBPPP	PP
8	1 Jun – 12 Julai	Penyelenggaraan Sistem e-Prestasi (Sistem ditutup)	BPSM
9	13 Julai – 28 Ogos	Kemas kini pertukaran dalam sistem e-Prestasi	JK PBPPP Organisasi
10	1 September – 4 Disember	Penilaian Akhir PBPPP	PP
11	1 Oktober	Pengaktifan butang hantar penilaian akhir PBPPP	PP
12	7 – 15 Disember	Penyelenggaraan sistem e-Prestasi (Sistem ditutup)	BPSM
13	16 – 31 Disember	Pelarasan markah tidak tekal	JK PBPPP Organisasi